



**MALAYSIAN COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA
COMMISSION**

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS ON THE COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA (LICENSING) (AMENDMENT) REGULATIONS
2024 IN RELATION TO INITIAL AND MINIMUM ANNUAL
LICENCE FEE FOR INDIVIDUAL LICENCE**

1. Q: What is the scope of the amendment?

A: The amendment made to the Communications and Multimedia (Licensing) Regulations 2000 ('Licensing Regulations 2000') involves a revision of the initial payment and the minimum licence fee of the applicable annual licence fee from RM50,000 per licence to RM100,000 per licence imposed on individual licence under the Communications and Multimedia Act ('CMA98'). The amendment is specified in the Communications and Multimedia (Licensing) (Amendment) Regulations 2024 ('Licensing Regulations (Amendment) 2024').

2. Q: What is the effect of the amendment?

A: Each of the individual licensees shall pay a sum of RM100,000 per licence as the initial payment of the applicable annual licence fee, which is payable on the anniversary date of the licence. Depending on the Gross Annual Turnover of the licensee, the calculation specified in paragraph 33(3)(b) and Table B (Column

1) of the First Schedule of the Licensing Regulations 2000 for the total annual licence fee payable to MCMC remains unchanged.

Before the amendment	After the amendment
Each individual licensee shall pay a sum of RM50,000 per licence, as <u>initial payment</u> of the applicable annual licence fee on the anniversary of the licence, annually.	Each individual licensee shall pay a sum of RM100,000 per licence, as <u>initial payment</u> of the applicable annual licence fee on the anniversary of the licence, annually.
<u>The applicable annual licence fee:</u> 0.5% of gross annual turnover, or RM50,000 per licence, whichever is higher.	<u>The applicable annual licence fee:</u> 0.5% of gross annual turnover, or RM100,000 per licence, whichever is higher.

3. Q: When will the amendment take effect?

A: The amendment will take effect on **1 July 2024** ('enforcement date').

4. Q: Who will be affected by the amendment?

A: The following individual licence holders under the CMA98 will be affected by the amendment:

- i. New individual licence, where a formal application for individual licence is received by MCMC on or after 1 July 2024; and
- ii. For existing individual licence, it will be imposed during the renewal of licence, where a formal application for the renewal of the individual licence is received by MCMC on or after 1 July 2024.

The scenarios below illustrate the applicability of new rate of annual licence fee for new and renewed individual licences.

Date of formal application received by MCMC	Effective date of licence	Initial and Minimum annual licence fee
<u>Scenario 1</u>		
Before 1 July 2024	Before 1 July 2024	RM50,000 per licence (as per Licensing Regulations 2000)
<u>Scenario 2</u>		
Before 1 July 2024	On or after 1 July 2024	RM50,000 per licence (as per Licensing Regulations 2000)
<u>Scenario 3</u>		
On or after 1 July 2024	After 1 July 2024	RM100,000 per licence (as per Licensing Regulations (Amendment) 2024)

5. Q: Will the amendment affect other fees imposed on the individual licence holders?

A: No. The amendment only affects the initial payment and the minimum licence fee of the applicable annual licence fee.

6. Q: How will the amendment affect the calculation of the annual licence fee?

A: The amendment will only substitute the sum of the initial payment of the applicable annual licence fee from RM50,000.00 to RM100,000.00 per licence. Each individual licensee shall be subjected to pay the applicable annual licence fee of 0.5% of its

Gross Annual Turnover (GAT) from the licensable activities or RM100,000.00 per licence, whichever is higher.

Illustrations:

Name of licensee	GAT from the licensable activities	Type of licence	Annual licence fee	
			Before the amendment	After the amendment
Company ABC	RM5,000,000 <u>Calculation:</u> 0.5% x RM5,000,000 = RM25,000* <u>Annual licence fee:</u> RM25,000* or RM100,000 per licence, whichever is higher.	NFP	RM50,000	RM100,000
		NFP & NSP	RM100,000	RM200,000
		NFP, NSP & CASP	RM150,000	RM300,000
Company XYZ	RM45,000,000 <u>Calculation:</u> 0.5% x RM45,000,000 = RM225,000** <u>Annual licence fee:</u> RM225,000** or RM100,000 per licence, whichever is higher.	NFP	RM225,000 · RM50,000 payable on the anniversary date of the licence; and · RM175,000 payable within the time specified in the notice by MCMC.	RM225,000 · RM100,000 payable on the anniversary date of the licence; and · RM125,000 payable within the time specified in the notice by MCMC.
		NFP & NSP	RM225,000 · RM100,000 payable on the anniversary date of the licence; and · RM125,000 payable within the time specified in the notice by MCMC.	RM225,000 · RM200,000 payable on the anniversary date of the licence; and · RM25,000 payable within the time specified in the notice by MCMC.

Name of licensee	GAT from the licensable activities	Type of licence	Annual licence fee	
			Before the amendment	After the amendment
		NFP, NSP & CASP	RM225,000 · RM150,000 payable on the anniversary date of the licence; and · RM75,000 payable within the time specified in the notice by MCMC.	RM300,000 · Payable on the anniversary date of the licence.

7. Q: How will MCMC determine whether the individual licensees pay the applicable annual licence fee based on its GAT or only RM100,000 per licence?

A: The individual licensees shall first pay the initial payment of the applicable annual licence fee of RM100,000 per licence on its anniversary date of the licence. Upon receipt of the audited accounts from the licensees, MCMC will calculate the applicable annual licence fee based on the GAT from the individual licensable activity and shall notify the licensees to pay the balance due (if any).

It must be emphasised that each of the individual licensees shall submit its audited accounts to MCMC within three months from the end of its financial year for the purposes of calculating the applicable annual licence fee payable to MCMC. This is a statutory obligation under Regulation 33A of the Licensing Regulations 2000.

8. Q: In view of the increase amount of annual licence fee, what if the licensee is not able to comply with the obligation to pay the annual licence fee?

A: A licence is issued to authorise a party who undertakes the licensable activities under the CMA98. It is purely a commercial decision of such party to continue undertaking the licensable activities and be subject to the regulatory requirements set out in the CMA98 and its subsidiary legislations, including the obligation to pay the annual licence fee. Licensees who are not able to comply with this obligation on annual licence fee payment have an option to surrender the licence in accordance with Section 35 of the CMA98. Separate civil actions (debt recovery process through legal proceedings and winding-up proceedings) will be taken by MCMC for the outstanding annual licence fee cases, if any.



SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SOALAN-SOALAN LAZIM BERHUBUNG PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PELESENAN) (PINDAAN) 2024 BERKAITAN BAYARAN PERMULAAN DAN KADAR MINIMUM FI LESEN TAHUNAN BAGI LESEN INDIVIDU

1. S: Apakah skop kepada pindaan ini?

J: Pindaan ini dibuat ke atas Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 ('Peraturan Pelesenan 2000'), di mana ia melibatkan semakan semula ke atas bayaran permulaan dan bayaran minimum bagi fi lesen tahunan yang terpakai, iaitu pindaan daripada RM50,000 kepada RM100,000 bagi setiap lesen yang dikenakan ke atas setiap pemegang lesen individu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ('AKM98'). Pindaan ini terkandung di dalam dokumen yang dirujuk sebagai Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pindaan) 2024 ('Peraturan Pelesenan (Pindaan) 2024').

2. S: Apakah kesan daripada pindaan ini?

J: Setiap pemegang lesen individu dikehendaki membayar sejumlah RM100,000.00 bagi setiap lesen sebagai bayaran permulaan fi lesen tahunan yang terpakai pada tarikh ulang tahun lesen setiap tahun. Bergantung kepada Pusing Ganti Kasar pemegang lesen, penghitungan fi lesen tahunan yang dinyatakan

pada perenggan 33(3)(b) dan Susunan B (Ruangan 1) di dalam Jadual Pertama di bawah Peraturan Pelesenan 2000 bagi jumlah keseluruhan fi lesen tahunan yang perlu dibayar kepada MCMC adalah tidak berubah.

Sebelum pindaan	Selepas pindaan
Setiap pemegang lesen Individu hendaklah membayar sejumlah RM50,000 bagi setiap lesen, pada setiap tarikh ulang tahun lesen sebagai <u>bayaran permulaan</u> fi lesen tahunan yang terpakai.	Setiap pemegang lesen Individu hendaklah membayar sejumlah RM100,000 bagi setiap lesen, pada setiap tarikh ulang tahun lesen sebagai <u>bayaran permulaan</u> fi lesen tahunan yang terpakai.
<u>Fi lesen tahunan yang terpakai:</u> 0.5% daripada pusing ganti kasar atau RM50,000 bagi setiap lesen, yang mana lebih tinggi.	<u>Fi lesen tahunan yang terpakai:</u> 0.5% daripada pusing ganti kasar atau RM100,000 bagi setiap lesen, yang mana lebih tinggi.

3. S: Bilakah pindaan ini akan berkuat kuasa?

J: Pindaan ini akan berkuat kuasa pada **1 Julai 2024** ('tarikh kuat kuasa pindaan').

4. S: Siapakah yang akan terlibat dalam pindaan ini?

J: Pemegang-pemegang lesen individu di bawah AKM98 berikut akan terlibat dalam pindaan ini:

- i. Pemegang-pemegang lesen individu baharu, di mana permohonan formal untuk lesen individu diterima oleh MCMC pada atau selepas 1 Julai 2024; dan

- ii. Bagi lesen-lesen individu sedia ada, ialah pada masa lesen tersebut diperbaharui, di mana permohonan formal untuk pembaharuan lesen individu diterima oleh MCMC pada atau selepas 1 Julai 2024.

Senario-senario di bawah menunjukkan keterpakaian kadar fi lesen tahunan ke atas lesen-lesen individu baharu dan diperbaharui di bawah AKM98:

Tarikh permohonan formal diterima oleh MCMC	Tarikh kuat kuasa lesen individu	Kadar bayaran permulaan dan minimum fi lesen tahunan
<u>Senario 1</u>		
Sebelum 1 Julai 2024	Sebelum 1 Julai 2024	RM50,000 bagi setiap lesen (rujuk kepada Peraturan Pelesenan 2000)
<u>Senario 2</u>		
Sebelum 1 Julai 2024	Pada atau selepas 1 Julai 2024	RM50,000 bagi setiap lesen (rujuk kepada Peraturan Pelesenan 2000)
<u>Senario 3</u>		
Pada atau selepas 1 Julai 2024	Selepas 1 Julai 2024	RM100,000 bagi setiap lesen (rujuk kepada Peraturan Pelesenan (Pindaan) 2024)

5. S: Adakah pindaan ini melibatkan fi lain yang dikenakan ke atas pemegang lesen individu?

J: Tidak. Pindaan ini hanya melibatkan bayaran permulaan dan bayaran minimum fi lesen tahunan yang terpakai.

6. S: Bagaimanakah pindaan ini menjejaskan penghitungan fi lesen tahunan yang terpakai?

J: Pindaan ini hanya akan memberi kesan ke atas jumlah bayaran permulaan fi lesen tahunan yang terpakai, iaitu daripada RM50,000.00 kepada RM100,000.00 bagi setiap lesen. Setiap pemegang lesen individu akan dikenakan bayaran fi lesen tahunan yang terpakai sebanyak 0.5% daripada pusing ganti kasar ('PGK') bagi aktiviti yang dilesenkan atau RM100,000.00 bagi setiap lesen, yang mana lebih tinggi.

Ilustrasi:

Nama pemegang lesen	Jenis lesen	PGK daripada aktiviti yang dilesenkan	Fi lesen tahunan	
			Sebelum pindaan	Selepas pindaan
Syarikat ABC	NFP	RM5,000,000	RM50,000	RM100,000
	NFP & NSP	<u>Pengiraan:</u> $0.5\% \times RM5,000,000 = RM25,000^*$ <u>Fi lesen tahunan:</u> RM25,000* atau RM100,000 bagi setiap lesen, yang mana lebih tinggi.	RM100,000	RM200,000
	NFP, NSP & CASP		RM150,000	RM300,000
Syarikat XYZ	NFP		RM45,000,000	RM225,000 • RM50,000 perlu dibayar pada tarikh ulang tahun lesen. • RM175,000 perlu dibayar dalam tempoh yang telah

Nama pemegang lesen	Jenis lesen	PGK daripada aktiviti yang dilesenkan	Fi lesen tahunan	
			Sebelum pindaan	Selepas pindaan
		RM225,000** atau RM100,000 bagi setiap lesen, yang mana lebih tinggi.	dinyatakan di dalam notis MCMC.	dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam notis MCMC.
	NFP & NSP		RM225,000 · RM100,000 perlu dibayar pada tarikh ulang tahun lesen. · RM125,000 perlu dibayar dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam notis MCMC.	RM225,000 · RM200,000 perlu dibayar pada tarikh ulang tahun lesen. · RM25,000 perlu dibayar dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam notis MCMC.
	NFP, NSP & CASP		RM225,000 · RM150,000 perlu dibayar pada tarikh ulang tahun lesen. · RM75,000 perlu dibayar dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam notis MCMC.	RM300,000 · perlu dibayar pada tarikh ulang tahun lesen.

7. S: Bagaimana MCMC menentukan sama ada pemegang lesen individu perlu membayar fi lesen tahunan yang terpakai berdasarkan pusing ganti kasar ('PGK') atau hanya RM100,000.00 bagi setiap lesen?

J: Setiap pemegang lesen individu hendaklah terlebih dahulu menjelaskan bayaran permulaan fi lesen tahunan yang terpakai sebanyak RM100,000.00 bagi setiap lesen, pada tarikh ulang tahun lesen. Berdasarkan akaun teraudit yang dikemukakan oleh pemegang lesen, MCMC akan menghitung jumlah fi lesen tahunan yang terpakai pada kadar 0.5% daripada PGK bagi aktiviti yang dilesenkan. Sekiranya terdapat baki yang perlu dibayar, notis akan dikeluarkan oleh MCMC dan pemegang lesen perlu menjelaskan baki fi tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah ditekankan bahawa setiap pemegang lesen individu hendaklah menyerahkan akaun terauditnya kepada MCMC dalam masa tiga bulan dari akhir tahun kewangannya untuk tujuan penghitungan fi lesen tahunan yang terpakai yang perlu dibayar kepada MCMC. Ia merupakan tanggungjawab ke atas setiap pemegang lesen berdasarkan Peraturan 33A di bawah Peraturan Pelesenan 2000.

8. S: Berikutan daripada kenaikan kadar fi lesen tahunan ini, bagaimana jika pemegang lesen tidak dapat mematuhi kewajipan bagi pembayaran fi lesen tahunan?

A: Pemberian suatu lesen individu adalah untuk membenarkan suatu pihak menjalankan aktiviti yang dilesenkan di bawah AKM98. Ia merupakan keputusan komersil sepenuhnya jika pihak tersebut berhasrat untuk menjadi pemegang lesen di bawah AKM98 dan seterusnya tertakluk kepada pematuhan terhadap

AKM98 serta peraturan subsidiarinya, termasuklah kewajipan untuk membayar fi lesen tahunan. Sekiranya pemegang lesen tidak berupaya untuk mematuhi kewajipan bagi pembayaran fi lesen tahunan, ia boleh menyerahkan lesen individu tersebut pada bila-bila masa mengikut Seksyen 35 AKM98. Sekiranya berlaku kes ketidakpatuhan berkaitan kegagalan pemegang lesen untuk membayar fi lesen tahunan, pihak MCMC akan mengambil tindakan sivil (iaitu tindakan undang-undang dan prosiding penggulangan syarikat) bagi menuntut tunggakan fi lesen tahunan tersebut.